

Faktor utama bah besar dikaitkan dengan penerokaan tanah

Banjir terburuk negara

KUALA LUMPUR - Banjir yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia ketika ini disifatkan sebagai bencana paling buruk dalam sejarah sejak empat dekad lalu.

Dekan Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (IPASA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Zulkifli Yusop berkata, bencana kali ini paling teruk selepas banjir besar melanda negara pada tahun 1971 yang menenggelamkan ibu negara Kuala Lumpur.

“Saya berpendapat kerja-kerja penerokaan tanah dan hutan secara berleluasa menjadi faktor utama yang menyebabkan air banjir yang melanda beberapa negeri naik dengan cepat.

“Kita dapati air naik begitu cepat tanpa sempat untuk penduduk menyelamatkan diri. Dalam istilah bahasa Inggeris, ‘time to peak’ dalam bencana banjir ini berlaku sangat pantas dan kesannya amat serius.

“Kalau dahulu mungkin hutan masih banyak dan air banjir naik secara berperingkat tetapi sekarang sudah banyak tanah yang diteroka... inilah punca mengapa

banjir semakin teruk,” kata Zulkifli ketika dihubungi *Kosmo!* bagi mengulas mengenai situasi terkini banjir yang melanda Pantai Timur.

Menurut beliau, dari aspek persediaan menghadapi bah pula didapati agak perlahan kerana semua agensi terlibat tidak menyangka banjir pada tahun ini menjadi bah yang terburuk dalam sejarah.

“Dalam keadaan sekarang juga, penggunaan bot sudah tidak relevan ekoran arus air bah yang deras menyebabkan pasukan penyelamat perlu menggunakan helikopter,” kata beliau.

Bagaimanapun, Zulkifli bersetuju bahawa situasi banjir sehingga semalam belum sesuai untuk diisytiharkan darurat kerana keadaan keselamatan negeri-negeri itu masih terkawal.

Dalam masa sama beliau berharap semua penduduk di Johor terutama di sekitar Sungai Muar dan Sungai Batu Pahat bersedia untuk menghadapi risiko banjir besar dalam tempoh terdekat.

Cuaca hujan sejak pagi semalam menyaksikan seramai 537 mangsa banjir di



JALAN Tok Guru di Kota Bharu yang masih digenangi air berikutan limpahan air Sungai Kelantan semalam.

kosmo 27/12/14 MS2
Kalau dahulu hutan banyak dan air banjir naik secara berperingkat tetapi sekarang sudah banyak tanah diteroka... inilah punca banjir semakin teruk

ZULKIFLI YUSOP

Kluang, Muar, Segamat dan Kulaijaya terpaksa dipindahkan ke beberapa pusat penempatan sementara.

Sementara itu, Pakar Geografi dan Kajian Iklim Bandar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Shaharuddin Ahmad berkata, banjir teruk yang melanda negara kali ini disebabkan fenomena alam berganda merangkumi musim monsun dan *new moon* yang menyebabkan

berlakunya air pasang besar. “Dalam keadaan kedudukan bulan berada paling hampir dengan bumi maka tarikan graviti turut menyebabkan berlakunya ombak besar di laut.

“Ia bertambah buruk pula dengan hujan lebat yang sedang melanda, maka berlakulah banjir yang teruk sebegini,” katanya yang menolak faktor pembangunan sebagai punca utama banjir teruk itu berlaku.